

# 1 EMAS, 1 PERAK & 1 ANUGERAH KHAS PPTnVIC2022

Disediakan oleh: Suhaiza Hasan & Nor Aimi Abdul Wahab

PERMATANG PAUH, 4 Februari 2022 – 2 Kumpulan Inovasi dari Program Pra Diploma Sains UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya merangkul 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 Anugerah Khas *Ruby Prize* dalam PPT *National Virtual Innovation Competition 2022* (PPTnVIC2022). Kumpulan Inovasi ini telah dibimbing oleh tiga pensyarah daripada JSG iaitu Puan Suhaiza Binti Hasan, Puan Noorezal Atfiyina Mohd Napiah dan Cik Nor Aimi Abdul Wahab. Inovasi PdP *PHY083 Brain Booster* yang dianggotai oleh Muhammad Ehsan Bin Sayuti, Nurliyana Binti Mohd Nizam dan Husna Binti Basyaruddin telah berjaya merangkul pingat emas dan memenangi anugerah khas (*Ruby Prize*) yang membolehkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM250 daripada pihak penganjur. *PHY083 Brain Booster* merupakan satu inovasi yang dihasilkan bertujuan untuk membantu para pelajar Pra Diploma Sains untuk mengukuhkan daya ingatan dan konsentrasi dalam pembelajaran Fizik. Ia berbentuk latihan minda yang juga bertujuan untuk menimbulkan minat dalam menguasai asas ilmu Fizik. Manakala bagi inovasi *Chemithon & Physicsthon* pula, kumpulan ini disertai oleh Dayang Nur Fatin Nadhirah Binti Awang Damit, Alya Nurazmina Binti Abdul Hamed dan Nur Adriana Nisa Binti Mohd Fuad. *Chemithon & Physicsthon* merupakan satu teknik baharu yang menggabungkan aktiviti ulangkaji subjek Fizik dan Kimia dan aktiviti fizikal menjelang peperiksaan akhir. Projek ini telah memenangi pingat Perak.



Untuk rekod, pertandingan inovasi ini telah disertai oleh sebanyak 47 pasukan dengan penglibatan seramai 280 pelajar pra diploma dari semua kampus cawangan. Program secara maya anjuran Pejabat PPT UiTM Shah Alam ini telah berlangsung bermula dari 3 Januari sehingga 21 Januari 2022. Pertandingan dengan tema Memperkasakan Pelajar ke Arah Inovasi Pembelajaran ini dibahagikan kepada 4 kategori penyertaan iaitu *Online Teaching & Learning Strategies*, *STEM Education*, *Education Gaming* dan *Virtual Online Laboratories*.